



Usaha Mengembalikan Zaman Kegemilangan Tamadun Islam Andalusia Melalui Komik Tercapai

Satu pertandingan perdana peringkat kebangsaan yang disertai oleh pakar-pakar dan profesional multimedia kreatif dari seluruh Malaysia iaitu The 4th MSC Malaysia Intellectual Property Creators Challenge Series (IPCC) 2009 anjuran MSC Malaysia, MDEC telah diadakan pada 30 Julai 2009 bertempat Di Cyberview Lodge,Cyberjaya.Sebanyak 4 kategori telah dipertandingkan iaitu Animation, Digital Interactive Comic, Games dan Mobile Content.

Wakil pensyarah dari Fakulti Teknologi Dan Sains Informasi (FTSI), KUIS encik Md Ridzal Md Yusoff yang merupakan satu-satunya wakil dari sektor pendidikan, telah berjaya memenangi geran bernilai RM20,000 bagi penyertaan untuk kategori Digital Interactive Comic dengan tajuk Graphic Novel Andalusia iaitu sebuah komik interaktif yang membawa tema dan penceritaan mengenai kegemilangan Tamadun Islam Andalusia.

Selain dari hadiah dalam bentuk geran pembangunan, beliau juga layak menggunakan kemudahan pembangunan dan aplikasi kreatif tanpa had di Pusat Pembangunan Projek di Cyberjaya dan khidmat pakarunding secara percuma dalam bidang yang dibangunkan. Projek ini akan digunakan oleh pihak MDEC



Penyampaian replika cek oleh CEO MDEC Yang Berbahagia Dato' Badlisham Ghazali.



En Ridzal bersama pemenang-pemenang IPCC 2009

untuk membantu mempromosi MSC di dalam dan di luar Negara sementara hak intelektual dimiliki oleh pereka itu sendiri.

Antara pemenang terdahulu yang kini telah mencipta nama di peringkat tempatan dan antarabangsa ialah Les Copaque (Upin & Ipin) dan Animasia (Bola Kampung) dalam kategori animasi sementara pemenang dari kategori Digital Interactive Comic adalah pelukis-pelukis dari majalah Gempak, Karangkraf dan News Straits Times(NST).

Ucapan tahniah dan penghargaan juga dihulurkan buat Ustaz Rosli Bin Mokhtar dari Jabatan Syariah, Akademi Islam selaku penasihat dan "Subject Matter Expert" (SME) untuk projek Andalusia -Multimedia Kreatif.



Peserta pertandingan the 4th Malaysia Intellectual Property Creators Challenge Series (IPCC) bergambar kenangan meraikan kemenangan mereka.

Semoga kumpulan yang diketuai oleh Encik Md Ridzal Bin Md Yusof melalui projek Kreatif Multimedia Andalusia ini dapat dikomersialkan dan berjaya serta dapat membawa nama KUIS ke persada dunia. Semoga kemenangan ini memberi inspirasi terutamanya kepada pelajar-pelajar. Tahniah!



Sidang Pengarang

Penaung

Dato' Haji Mohd Adanan Ismail
Rektor KUIS

Editor Perunding

Mohd Shah Abdullah

Wartawan

Raja Nor Ashikin Raja Ramli
Mohamad Fadihisham M. Rashidi

Dengan Kerjasama

Fakulti Teknologi & Sains Informasi
Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi
Pusat Pengajaran Sepanjang Hayat
Institut Kajian Hadis Selangor

Perunding Grafik

Mohd Baihaqi Ramli

Jurugambar

Mohd Amin Tumirin

Penerbit

JPKP KUIS

Pencetak

Percetakan Selaseh Sdn. Bhd.

Segala isi kandungan di dalam percetakan ini adalah hak milik Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan/atau pemberi maklumatnya. Apa-apa jenis penggunaan yang lain termasuklah peniruan, pengubahsuaian, pengedaran, penyiaran, penerbitan semula adalah dilarang sama sekali.

Tinta Pengarang

Pengajaran Dari Universiti Harvard

Universiti Tanpa Roh Abai Dimensi Insaniah dan Akhlak

Universiti merupakan gedung penjanaan ilmu, arena menggali ilmu, meneroka perbatasan ilmu tanpa sempadan, di samping bergiat dalam tradisi penyelidikan. Sejak semula sama ada universiti di dunia Islam atau di Barat, ledakan ilmu telah mencetuskan nahdah atau renaissance dalam sejarah kebangkitan peradaban bangsa serta negara.

Namun, terdapat kebimbangan apabila universiti tidak lagi memainkan peranan asli untuk membugar budaya ilmu, sebaliknya terperangkap dengan sindrom kecemerlangan tanpa roh atau "*excellence without a soul*". Universiti dilihat telah kehilangan roh yang sepatutnya memperjuangkan tradisi ilmu, sebaliknya terperangkap dalam belantara komersial. Puncanya, persaingan pasaran bebas dan globalisasi. Matlamat memburu keuntungan membungkam kualiti dan kecemerlangan sebenar sesebuah universiti.

Pandangan itu telah disorot

kembali oleh Bekas Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Tan Sri Prof Dr Muhammad Kamal Hassan ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Strategic Planning and Quality Assurance in Higher Education in the Muslim World, di Kuala Lumpur pada 23 Julai 2009.

Beliau memetik analisis tajam dan kritikal bekas Dekan Harvard College, Universiti Harvard, Profesor Harry R. Lewis yang membidas universiti sehebat Harvard kerana mencipta kecemerlangan tetapi meninggalkan roh dengan mengelepaskan misi kewujudan sesebuah universiti sehingga menimbulkan krisis. Ini termasuklah krisis moral di kalangan pelajar, gejala minum arak, berpeleseran, seks bebas dan rogol. Masalah akhlak dan pertumbuhan sahsiah pelajar bukan perkara utama dalam agenda pendidikan sebuah universiti hebat seperti Harvard.

Tidak dinafikan menurut Profesor Lewis, Harvard memang memberi tumpuan terhadap aspek kecemerlangan akademik tetapi seperti ungkapannya "*Education is not the*

teaching of dates and formulas and laws and names and places." Justeru, idealisme sesebuah universiti mestilah kembali kepada paksi asal, selain memperjuangkan mutu akademik yang tinggi, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penulisan dan penerbitan, ia juga mestilah memberi perhatian terhadap aspek moral. Gagasan membina generasi berakhhlak, generasi rabbani, generasi ulul albab seperti maksud al-Quran dan hadis mestilah diberikan keutamaan.

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai sebuah universiti baru haruslah memastikan ia berada di landasan sebenar dengan memastikan misi dan visi penubuhannya bukan semata-mata untuk memburu keuntungan, melainkan melahirkan modal insan yang seimbang, berakhhlak mulia dan berbudi pekerti. Aspek inilah yang dikhawatir tercicir dalam upaya sesebuah universiti mencapai perkembangan dan kemajuan. Ada sesuatu yang harus dipelajari dari pengalaman universiti sehebat Harvard seperti pendedahan Profesor Lewis.

Republik Maldives Hantar Peserta Sertai Kursus Intensif Tarannum Al-Quran Anjuran KUISCELL

KHAMIS, 6 Ogos 2009 – Pusat Pengajian Sepanjang Hayat (KUISCELL) telah menganjurkan satu siri kursus dalam bentuk intensif kepada peserta yang merupakan guru-guru Al-Quran dari Republik Maldives.

Kursus Intensif Tarannum Al-Quran ini dijalankan atas permintaan daripada Kementerian Hal-Ehwal Agama Islam Republik Maldives sendiri hasil daripada persefahaman bersama yang telah ditandatangi antara KUIS dan Kerajaan Maldives sebelum ini.

Menurut Menterinya Sheikh Shaheen, mereka memerlukan lebih kurang 1000 orang guru-guru Al-Quran yang mahir dengan kaedah tarannum Al-Quran bagi menampung keperluan pengajaran Al-Quran di Maldives.



Kursus ini telah dijalankan bermula daripada 6 Julai sehingga 6 Ogos 2009. Seramai 20 orang peserta terdiri dari 15 lelaki dan 5 perempuan telah dihantar untuk kumpulan pertama ke KUIS dan tiba pada 3 Julai 2009.

Kursus ini telah dibimbing oleh Ustaz Mohd Rozie Mohd Rejab, Ustaz Mohd Farid Ravi Abdullah, Prof. Madya Dr. Mohd Nur Manutty (Felo Kanan Akademik, KUIS). Instruktur

lain ialah Ustaz Wan Mohd Helmi, pensyarah dari UKM dan Ustaz Imran Kamal Bashah.

Disamping itu, waktu hujung minggu peserta kursus ini telah diisi dengan Kunjungan Kebudayaan ke beberapa tempat menarik di Malaysia. Antaranya ke KLCC, Putrajaya dan Melaka. Mereka mengambil peluang ini untuk lebih mengenali budaya penduduk di Malaysia dan memahami kebudayaan tempatan.

Kejayaan Dua Pensyarah Sumber Inspirasi Kecemerlangan Persembahan Projek Akhir Pelajar FTSI

Pada 13 Ogos 2009 yang lalu telah berlangsung satu persembahan projek akhir pelajar-pelajar FTSI di Pusat Konvensyen. Kumpulan pelajar yang melibatkan sekitar 120 bilangan pelajar tahun akhir FTSI itu terdiri daripada pelajar-pelajar jabatan Multimedia, Sains Komputer, E-Dagang dan Teknologi Rangkaian.

Kejayaan dua pensyarah FTSI iaitu En Noor Azli Bin Masrop yang telah menggondol Anugerah Pingat Emas pada Pameran Penciptaan, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke -20 menerusi hasil ciptaannya iaitu 'My Jawi Games', dan En Md Ridzal Md Yusof yang telah berjaya memperolehi geran RM 20,000 dalam The 4th MSC Malaysia Intellectual Property Creators Challenge Series (IPCC) 2009 bagi kategori Digital Interactive Comic telah menyemarakkan lagi semangat para pelajar.



Ini menunjukkan bahawa FTSI benar-benar serius dalam memastikan pensyarah-pensyarah dan kakitangannya bukan sahaja mampu mengajar tapi mampu membina kecemerlangan dengan penerbitan dan penghasilan produk-produk berteraskan integrasi IT dan Ilmu agama.

Fakulti sememangnya memandang serius usaha ini dan membuka peluang-peluang

kepada pensyarah dan pelajar memasuki pelbagai pertandingan dan penyertaan peringkat kebangsaan dan negeri. Diharap dengan usaha murni ini akan menjadikan FTSI sebagai fakulti contoh yang dapat membimbing pelajar yang bukan sahaja berteknologi malah menjadi muslim yang mampu menghasilkan teknologi untuk kepentingan bangsa dan agama.

Media Baru & Propaganda: Suatu Kupasan Dari Dialog Ilmu.

BANDAR SERI PUTRA, 4 OGOS – Etika merupakan prinsip kepada Media baru. Ini merupakan kesepakatan yang telah dibuat oleh ahli panel Program Dialog Ilmu bertajuk "Ideologi, Konspirasi, dan Kuasa: Suatu Kupasan Peranan Media Baru". Ini kerana, dalam media baru (internet) setiap manusia boleh menulis, membaca, mempengaruhi dan berkongsi apa sahaja dalam berhadapan khalayak pembaca seluruh dunia. Jadi, prinsip tersebut harus dipegang untuk menjadi seorang yang dihormati apabila berhadapan suatu gelombang baru dunia komunikasi.

Panel-panel jemputan bagi membincangkan topik tersebut ialah Datuk Ruhanie Hj Ahmad, penulis blog <http://kuda-kepang.blogspot.com> yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Utusan Melayu. Panel yang kedua ialah Prof. Madya Dr. Abu Hassan Hasbullah yang merupakan Ketua Jabatan, Jabatan Pengajaran Media Universiti Malaya dan Ahmad Lutfi Othman iaitu Editor Harakah selaku panel yang ketiga.

Bagi menjadikan program lebih lancar, ia dimoderatori oleh En. Ashwad Ismail yang merupakan penyampai berita dan wartawan penyiaran Astro Awani.

Program tersebut berlangsung di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Program ini dianjurkan oleh pelajar semester 5 dari kursus Propaganda dan Komunikasi Politik dan Jabatan Komunikasi yang bertempat di Pusat Konvensyen Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (PKK).

Program dialog ilmu ini akan dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Hj Mohd Adanan Ismail Rektor KUIS. Antara jemputan khas yang turut serta memeriahkan majlis ilmu ini ialah Ahli Parlimen kawasan Hulu Langat, YB Dr. Che Rosli Che Mat dan ADUN kawasan Bangi, Dr. Shafie b. Abu Bakar.

Objektif utama program ini dijalankan adalah untuk menjelaskan peranan media baru sebagai alternatif sumber maklumat dalam menguatkan

kesedaran masyarakat menilai informasi dan meningkatkan pengetahuan dalam mengenalpasti maklumat yang terbaik. Selain itu, perbincangan daripada program ini diharap mampu melahirkan masyarakat yang berinformasi dan berwibawa dalam menilai ilmu yang diterima daripada internet.



Sekitar Konvokesyen ke 12 KUIS



Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim diiringi Rektor KUIS memeriksa perbarisan askar Wataniah sebelum istiadat konvokesyen bermula.



Sebahagian tetamu dan pensyarah KUIS yang menghadiri sesi pertama istiadat konvokesyen KUIS.



Kumpulan koir bersemangat melaungkan lagu rasmi KUIS buat pertama kali di majlis Istiadat Konvokesyen KUIS.



Graduan pertama ijazah sarjana muda Syariah dengan Undang-Undang bersedia untuk menerima skrol masing-masing.




Pelajar-pelajar SMK Bandar Rinching, Semenyih mengambil bahagian dalam persembahan gamelan sempena istiadat konvokesyen KUIS.



Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menyampaikan anugerah terbaik Kepimpinan Siswa kepada Mohd Rashidi Ali.



Dato' Haji Mohd Adanan Isman menyampaikan ucapan di majlis istiadat konvokesyen KUIS.



Profesor Sultan Abu Orabi dari Universiti Yarmouk, Jordan turut hadir sebagai tetamu kehormat.



Dua graduan KUIS sedang membelek buku arcurara konvokesyen sambil menanti giliran menerima skrol masing-masing.



Pusat Konvensyen KUIS penuh sesak dengan tetamu, ibu bapa dan graduan di majlis istiadat konvokesyen ke-12.



Seorang graduan kurang upaya menerima diploma daripada Pengurus Majlis, Dato' Setia Mohd Adzib Haji Isa pada istiadat petang konvokesyen KUIS.



Graduan dari luar negara turut gembira meraikan kejayaan menerima skrol sempena istiadat konvokesyen KUIS.



Kenangan manis graduan selepas menerima skrol dalam istiadat konvokesyen KUIS.

Multaqa Serantau Pengembangan Pendidikan Bahasa Arab



Multaqa Pengembangan Pendidikan Bahasa Arab peringkat rantau Asia Tenggara telah diadakan pada 13-17 Julai 2009 di kampus Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Program multaqa ini adalah anjuran Islamic Educational Scientific and Cultural Organization (ISESCO) Rabat dengan kerjasama Jamiah Dakwah Islamiyah Libya serta Granada Edition Perancis. Program seperti ini adalah merupakan perancangan 3 tahun ISESCO (2007-2009) yang bertepatan pula dengan perancangan penubuhan

pejabat pendidikan serantau bahasa arab di Malaysia.

Multaqa yang diadakan di KUIS ini telah dirasmikan oleh Y.B Penasihat Agama Perdana Menteri Dato' Dr Abdullah bin Mat Zin turut hadir sama wakil Jamiah Dakwah Islamiyah Libya serta wakil ISESCO dan beberapa orang tetamu kehormat. Yang berbahagia Dato' Hj. Mohd Adanan bin Isman selaku Rektor KUIS mengalu-alukan tetamu yang hadir khususnya Y.B Dato' Abdullah bin Mat Zin dan mengucapkan terima kasih kepada pihak ISESCO yang telah memilih KUIS

sebagai tempat kursus dan seterusnya memilih KUIS bagi pejabat pendidikan serantau bahasa arab.

Multaqa ini telah memfokus kepada pengembangan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa arab di rantau Asia Tenggara, di samping mendedahkan cara-cara yang terkini dalam proses P&P bahas arab. Program ini telah dikhushuskan kepada 30 orang peserta dari Malaysia dan setiap seorang dari negara Brunei, Indonesia, Thailand dan Singapura.

Antara tujuan utama multaqa ini diadakan ialah untuk mendedahkan kepada para pendidik bahasa arab tentang teknik dan cara-cara P&P yang berkesan serta melatih mereka dalam bidang yang diceburi disamping persiapan untuk penubuhan Pejabat Pendidikan ISESCO serantau di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada 2009.

Pertandingan Rekacipta KUIS 2009 bertemakan "Talent Inspires Excellence"

Pertandingan Rekacipta KUIS 2009 yang berlangsung baru-baru ini merupakan sebahagian daripada aktiviti ataupun program yang dianjurkan oleh Fakulti Teknologi dan Sains Informasi (FTSI). Program yang berlangsung selama 2 hari yang bermula pada 1 hingga 2 Ogos 2009 ini dicadangkan untuk dijadikan satu aktiviti tahunan FTSI untuk mencungkil kreativiti pelajar-pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Bertemakan "Talent Inspires Excellence" pertandingan ini diadakan di dalam dua kategori iaitu peringkat dalaman (internal) dan

luaran (external). Sebanyak 11 kategori telah dipertandingkan bagi peringkat dalaman antaranya ialah, Character Design, Logo and Corporate Identity Design, 2D Animation, Computer Programming Short Problems, Network Configuration, E-Commerce Website, MS Office Competition, Web Interactive Design, Audio Video, GUI Programming, dan Internal Hacking Competition (IHAC- Capture the Flag). Bagi kategori luaran, 4 kategori pertandingan telah diadakan dimana pertandingan ini diadakan untuk mencari wakil peserta ke pertandingan peringkat yang lebih tinggi seperti, MSC Malaysia's Asia Pacific ICT Award (APICTA) 2009, MSC

Malaysia - IHL Business Plan Competition 2009/10, Mobile Content Challenge 2009 (MCC 2009) dan Innovative Content and Application Competition (iCAAP Comp'09).

Pemenang tempat pertama dan kedua menerima

hadiah-hadiah berbentuk wang tunai, sijil penyertaan, hamper serta barang komputer yang masing-masing berjumlah RM300 dan RM200 bagi setiap kategori pertandingan. Hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik dan Pembangunan Mahasiswa, Yang Berbahagia Ustaz Mohd Khairi bin Haji Hussin dan diiringi oleh Dekan Fakulti Teknologi Sains dan Informasi (FTSI), Encik Che Wan Shamsul bin Che Wan Ahmad serta Pengarah Program Pertandingan Rekacipta KUIS 2009, Encik Muhammad Ali Reza Bin Ahmad.

Program Pertandingan Rekacipta KUIS ini seharusnya dijadikan platform di mana para mahasiswa perlu bersaing di peringkat tempatan mahupun global bagi meraih kecemerlangan dan dalam masa yang sama menyumbang kepada kualiti pendidikan dan pembelajaran di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang akan mengorak langkah menjadi kolej universiti yang berdaya saing setanding dengan IPTS dan IPTA yang lain di arus perdana.



Ekspo & Festival (Ekstival) KUIS 2009



Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Saifuddin Abdullah memeriksa perbarisan askar Wataniah KUIS sebelum merasmikan Ekstikal KUIS 2009.

Khamis, 16 Julai 2009- Pada pukul 8.30 pagi, telah berlangsungnya majlis perasmian ekstival ke-12. Majlis dimulakan dengan ketibaan VVIP, Dato Saifuddin Bin Abdullah. Majlis diserikan lagi dengan pertunjukan kawad bersenjata oleh Rejimen Askar Wataniah KUIS dan perbarisan unit beruniform. Sebelum tamatnya majlis, YB Dato Saifuddin Bin Abdullah telah merasmikan Menara Jati Diri KUIS dengan diiringi oleh Dato Haji Adanan bin Isman.



Dato' Saifuddin menyanyikan lagu bermula acara di tasik KUIS sempena Ekstival 2009.



Dato' Saifuddin sedang berucap merasmikan Ekstival KUIS 2009.

Hari pertama ekstival 12 KUIS dimeriahkan lagi dengan program Eksplorace. Acara ini bermula dan berakhir di tapak Ekstival. Program berjalan lancar dan tiada peserta dilaporkan mengalami sebarang kecederaan.

Acara-acara lain yang telah diadakan ialah, Forum Perdana bertajuk "Islam Landasan Tamadun" disampaikan oleh Dr. Badrul Amin dan Dr. Yusnan Yusuf., Senaman Perdana, Program Demonstrasi Seni Bela Diri, Pertandingan Marathon, Pertandingan Nasyid Intervasiti dan Konsert Kesenian Islam.



Seorang peserta menunjukkan kehebatan meluncur dari Menara Jati Diri.

Delegasi Darul Hadith, Singapura Lawat KUIS

Kunjungan hormat delegasi daripada Darul Hadith, Masjid Assyafaah Singapura telah diketuai oleh Ustaz Haji Mohd Ali b. Haji Atan. 20 orang tetamu ini telah disambut penuh mesra oleh Pengarah Institut Kajian Hadith Selangor (INHAD) KUIS, Ustaz Hj Mohd Farid Ravi b. Abdullah. Turut serta dalam pertemuan ini ialah Timbalan Rektor (Pembangunan Korporat & Pengantarabangsaan) Tuan Hj Mohd Shah b. Abdullah.

Ustaz Haji Mohd Ali merangkap Pengerusi Eksekutif Masjid Assyafaah menyuarakan keinginan untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak INHAD pada masa akan datang.

Diharapkan dengan adanya lawatan seperti ini ia dapat

dijadikan satu platform untuk merealisasikan "Model Kerjasama" antara INHAD dengan institusi-institusi Hadis lain di dunia sebagai salah satu wadah menyatukan organisasi-organisasi seumpama ini di bawah satu payung agar dapat bersatu melakukan anjakan paradigma terhadap status Hadis di mata umat Islam sedunia khasnya dan seluruh umat manusia amnya.

Apa yang lebih utama ialah kesedaran dan keterbukaan kesatuan ini untuk berkongsi manfaat yang terkandung di dalam khazanah Hadis untuk kelangsungan hidup yang sejahtera bukan sahaja kepada umat Islam bahkan meluaskannya kepada seluruh manusia kerana Nabi Muhammad diutuskan sebagai rahmat bagi sekalian alam.

Semoga hubungan silaturrahim yang terjalin ini mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah S.W.T. dalam memperjuang dan mempertahankan Sunnah Rasulullah s.a.w. Insya Allah. Amin...



PROGRAM YANG DITAWARKAN

● PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

SARJANA

MG01 - Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Muamalah) (KP/JPS (KA8677)



KOLEJ
UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA SELANGOR
الجامعة الإسلامية العالمية الشاملة سلاغور
SELANGOR INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE

● AKADEMI ISLAM

SARJANA MUDA (Kepujian)

BI01 - Sarjana Muda Syariah dengan Undang-Undang (KP/JPS (KN 6282) MQA (A 6282)

DIPLOMA

IS12 - Diploma Pengajian Islam (Syariah) (KP/JPS (KR 6308) 07/10 MQA (PA 6308)

IS13 - Diploma Pengajian Islam (Usuluddin) (KP/JPS (KR 6310) 07/10 MQA (PA 6310)

IS14 - Diploma Pengajian Islam (Al-Quran dan As-Sunnah) (KP/JPS (KR 6312) 07/10 MQA (PA 6312)

IS15 - Diploma Pengajian Islam (Dakwah) (KP/JPS (KR 6311) 07/10 MQA (PA 6311)

IS16 - Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat (KP/JPS (KR 7641) 11/11 MQA (PA 7641)

IS18 - Diploma Syariah dan Perundangan Islam (KP/JPS (KA 4017) 12/08 MQA (PA 4017)

● FAKULTI TEKNOLOGI & SAINS INFORMASI

IJAZAH SARJANA MUDA (Kepujian)

BT01 - Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Multimedia) (KP/JPS (KN 6283) 07/10 MQA (PA 6283)

BT02 - Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Rangkaian) (KP/JPS (KN 6284) 07/10 MQA (PA 6284)

DIPLOMA

MS36 - Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia) (KP/JPS (KR 6926) 02/11 MQA (PA 6926)

MS38 - Diploma Teknologi E-Dagang (KP/JPS (KA 4019) 12/08 MQA (PA 4019)

MS39 - Diploma Sains Komputer (KP/JPS (KA 4018) 12/08 MQA (PA 4018)

● FAKULTI BAHASA MODEN & KOMUNIKASI

IJAZAH SARJANA MUDA (Kepujian)

BC01 - Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua (KP/JPS (KA 7560) 01/12 MQA (PA 7560) contoh :

BC02 - Sarjana Muda Komunikasi (Penyiaran) (KP/JPS (KA 8383)

BC03 - Sarjana Muda Bahasa Arab (Terjemahan) (KP/JPS (KA 8817)

DIPLOMA

IS11 - Diploma Pengajian Islam (Bahasa Arab) (KP/JPS (KR 6309) 07/10 MQA (PA 6309)

CS41 - Diploma Komunikasi (KP/JPS (KR 7026) 03/11 MQA (PA 7026)

LS43 - Diploma Pengajian Bahasa Inggeris (KP/JPS (KA 8286) 09/12)

● FAKULTI SAINS KEJURURAWATAN & KESIHATAN SEKUTU

DIPLOMA

DN01 - Diploma Kejururawatan (KP/JPS (PA 4962) 06/09 MQA (PA 4962)

● FAKULTI PENGURUSAN & MUAMALAH

IJAZAH SARJANA MUDA (Kepujian)

BB01 - Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan E-Dagang (KP/JPS (KA 6298) 02/11 MQA (PA 6298)

BB02 - Sarjana Muda Pengurusan Sumber Insan (KP/JPS (KA 7395) 01/12 MQA (PA 7395)

BB03 - Sarjana Muda Ekonomi dan Kewangan (KP/JPS (KA 7396) 01/12 MQA (PA 7396)

BB04 - Sarjana Muda Perakaunan (KP/JPS (KA 7397) 01/12 MQA (PA 7397)

BB05 - Sarjana Muda Kewangan Islam (Perbankan) (Kepujian) (KP/JPS (KA 8818)

BB06 - Sarjana Muda Kewangan Islam (Pasaran Modal) (Kepujian) (KP/JPS (KA 8947)

BB07 - Sarjana Muda Kewangan Islam (Takaful) (Kepujian) (KP/JPS (KA 8946)

DIPLOMA

MS31 - Diploma Perakaunan (KP/JPS (KR 6315) 06/10 MQA (PA 6315)

MS32 - Diploma Pengurusan Perniagaan (KP/JPS (KR 6313) 06/10 MQA (PA 6313)

MS33 - Diploma Perbankan Islam (KP/JPS (KR 6314) 06/10 MQA (PA 6314)

MS34 - Diploma Pengurusan Sumber Manusia (KP/JPS (KR 6316) 06/10 MQA (PA 6316)

MS35 - Diploma Ekonomi (KP/JPS (KR 6680) 10/10 MQA (PA 6680)

MS40 - Diploma Keusahawanan (KP/JPS (KA 7394) 02/12 MQA (PA 7394)

MS42 - Diploma Perancangan Kewangan Islam (KP/JPS (KA 7559) 05/12 MQA (PA 7559)

● FAKULTI PENDIDIKAN

DIPLOMA PERGURUAN

ES51 - Diploma Perguruan (Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua (TASL)) (KP/JPS (KA 8781) 05/13)

ES52 - Diploma Perguruan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL)) (KP/JPS (KA 8731) 04/13)

ES53 - Diploma Perguruan (Pendidikan Islam) (KP/JPS (KA 8732) 05/13)

Pemangkin Tradisi Ilmu

Tarikh-tarikh Pendaftaran

Diploma & Sarjana Muda
Sepenuh Masa

Sesi 2 Ambilan 1 : 19.10.2009
Sesi 2 Ambilan 2 : 2.11.2009

Diploma & Sarjana Muda
Separuh Masa

Sesi 2 Ambilan 1 : 17.10.2009

Sarjana Sepenuh & Separuh Masa

Sesi 3 Ambilan 1 : 30.11.2009

DAPATKAN BORANG PERMOHONAN SEKARANG SECARA PERCUMA!

SMS kami di 15888 : KUIS<jarak>MOHON<jarak>ALAMAT EMEL
atau

KUIS<jarak>MOHONPOS<jarak>NAMA<jarak>ALAMAT

kuis mohon
abdullah@yahoo.
com

atau

kuis mohonpos
abdullah no 2, jln
belimbing 3/9,
43000 kajang,
selangor

hantar ke :

15888

* Setiap mesej yang diterima akan dicaj RM0.20 tidak termasuk caj telco.



“Ilmu Menjana
Peradaban Ummah”